

**MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PEKERJA ASING DAN  
PENDATANG ASING TANPA IZIN (JKKPA-PATI)  
KALI KE-5 BIL. 1/2011**

---

**TARIKH : 17 MAC 2011 (KHAMIS)**

**MASA : 9.30 PAGI – 1.00 TENGAHARI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2  
ARAS 2, BANGUNAN UTAMA  
PARLIMEN MALAYSIA**

---

**AGENDA MESYUARAT**

1. PERUTUSAN Y.A.B. TAN SRI Pengerusi;
2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PEKERJA ASING DAN PENDATANG ASING TANPA IZIN (JKKPA-PATI) KALI KE-4 BIL. 3/2010;
3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT;
  
5. KERTAS MAKLUMAN / LAPORAN;
  - 5.1 LAPORAN STATUS PELAKSANAAN NATIONAL ENFORCEMENT AND REGISTRATION (BIOMETRIC) SYSTEM (NERS) DI PINTU-PINTU MASUK NEGARA – INISIATIF MAKMAL PENGURUSAN WARGA ASING (MPWA) DI BAWAH SISTEM DAN PROSES ;
  - 5.2 KERTAS MAKLUMAN KEDUDUKAN SEMASA PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA BAGI TEMPOH 2008 – 2010 ; DAN

5.3 LAPORAN STATUS PELAKSANAAN INISIATIF-INISIATIF MAKMAL PENGURUSAN WARGA ASING (MPWA) BIL 1/2010 – 2011 ;

6. KERTAS PERTIMBANGAN;

6.1 LAPORAN/PERTIMBANGAN CADANGAN-CADANGAN HASIL BENGKEL REVISIT POLISI DAN PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA;

6.2 CADANGAN MECHANISME LEVI BAGI MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN TERHADAP PEKERJA ASING OLEH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA;

6.3 LAPORAN LAWATAN KERJA KE BANGLADESH DAN UAE, DAN CADANGAN NEGARA BANGLADESH SEBAGAI SEBUAH NEGARA SUMBER BAGI PENGAMBILAN PEKERJA ASING,

6.4 CADANGAN PEMBUKAAN SEMULA PENGAMBILAN PENGAJIAN PEKERJA ASING SUB-SEKTOR PERKHIDMATAN SPA DAN HOTEL OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN ; DAN

6.5 LAPORAN / PERTIMBANGAN MAKMAL KHAS PENGURUSAN WARGA ASING SABAH.

7. HAL-HAL LAIN;

8. PENUTUP.

3( )

**MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PEKERJA  
ASING – PENDATANG ASING TANPA IZIN (JKK PA-PATI)**

**KERTAS MAKLUMAN**

**LAPORAN STATUS PELAKSANAAN SISTEM PANGKALAN DATA  
BIOMETRIK WARGA ASING DAN SISTEM SEKURITI NASIONAL  
NEXCODE [NEXCODE ENFORCEMENT AND REGISTRATION  
(BIOMETRICS) SYSTEM (NERS)]**

---

**TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK PA-PATI) ke atas laporan status pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional NexCode (*NexCode Enforcement and Registration (Biometrics) System (NERS)*).

## LATAR BELAKANG

2. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada 29 September 2010 telah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri mengenai 'Cadangan Pembekalan Sistem NERS oleh Nexbis Sdn. Bhd. (Nexbis) untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)' di mana secara prinsipnya telah bersetuju akan pembekalan NERS untuk JIM dilaksanakan oleh Nexbis.
3. Susulan daripada itu, Kementerian Dalam Negeri telah memberi kebenaran kepada Nexbis untuk memulakan kerja-kerja berkaitan sistem NERS di pintu keluar dan masuk negara bermula 24 Disember 2010. Sehubungan itu, Nexbis telah membuat perolehan peralatan dan perisian NERS dari pembekal di dalam dan luar negara bagi memastikan sistem NERS dapat dijalankan segera sejajar dengan perancangan Kerajaan untuk melaksanakan sistem biometrik warga asing dalam masa terdekat.

## PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

### Mekanisme Pembiayaan dan Pembayaran NERS

4. Seperti yang diputuskan melalui Jemaah Menteri, pembiayaan NERS secara *Private Finance Initiatives (PFI)* adalah melalui kenaikan levi sebanyak RM50 seorang setahun. Caj levi tersebut akan dikutip oleh JIM dan akan disalurkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan seterusnya Kerajaan perlu membuat pembayaran berkaitan kepada Nexbis. Bagi tujuan tersebut, MOF perlu menyediakan dan membuat peruntukan bagi membolehkan Kementerian Dalam Negeri (KDN)

membuat pembayaran. Memandangkan KDN tidak mempunyai peruntukan khusus untuk pelaksanaan NERS, maka seperti saranan MOF bahawa KDN perlu memohon peruntukan menerusi dasar baru daripada MOF bagi tujuan tersebut.

5. Kutipan untuk pembayaran kepada Nexbis akan bermula secara efektif pada 1 April 2011 dan dikira berdasarkan pengeluaran pelekat Pas Lawatan (Kerja Sementara). Manakala urusan serahan pembayaran kepada Nexbis adalah secara bulanan dan hanya akan dibuat setelah sistem NERS dapat disiapkan sepenuhnya di 164 lokasi JIM pada 30 September 2011.

#### **Pindaan Akta Fi Bagi Kenaikan Levi Tambahan Pekerja Asing**

6. Pindaan Akta Fi 1951 (Perintah Fi (Pas Pengajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Kerja)(Pindaan 2011) bagi kenaikan levi pekerja asing sebanyak RM50 adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 29 September 2010. Kementerian kini sedang dalam proses mendapatkan perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai pindaan Akta tersebut.

7. Berkaitan kenaikan levi RM50 bagi setiap pekerja asing setiap tahun, Jemaah Menteri:

- i. bersetuju akan penjelasan dan pandangan Jemaah Menteri bahawa kos pelaksanaan sistem berkenaan sama ada perbelanjaan modal atau kos operasi tidak akan ditanggung oleh kerajaan, sebaliknya akan dibiayai oleh pihak syarikat melalui caj levi sebanyak RM50

setahun untuk setiap pekerja asing dan pemberian konsesi kepada syarikat bagi tempoh 12 tahun;

- ii. Mesyuarat JKKPA-PATI sebelum ini bersetuju supaya kadar levi dinaikkan sebagai langkah mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Dalam hal ini, pengenaan levi sebanyak RM50 bagi setiap pekerja asing untuk membiayai kos pelaksanaan sistem oleh Nexbis boleh dianggap sebagai sebahagian daripada komponen kenaikan levi untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing;
  - iii. Jabatan Peguam Negara dalam ulasannya merujuk kepada Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa apa-apa terimaan oleh Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (KWDS). Oleh itu, hasil daripada pungutan caj levi yang dikenakan kepada pekerja asing tidak boleh dibayar terus kepada Nexbis.
8. Tarikh berkuat kuasa pindaan Akta Fi bagi kenaikan levi sebanyak RM50 adalah 1 April 2011 berdasarkan:
- i. sistem NERS telah bermula dengan perolehan peralatan pada bulan Disember 2010 tanpa memuktamadkan perjanjian yang sedang dikendalikan oleh UKAS bagi memastikan sistem biometrik dapat dilaksanakan segera oleh Kerajaan Malaysia;

- ii. sistem NERS dibangunkan dan diintegrasikan dengan sistem myIMMs mulai Mac 2011. Namun, tiada bayaran diperuntukkan bagi bulan tersebut kepada Nexbis sehingga 1 April 2011;
- iii. pembiayaan secara PFI serta adil bagi Nexbis yang telah mula mengeluarkan capital expenditure hampir 100% (nilai kontrak keseluruhan adalah RM912 juta) bagi pembangunan sistem NERS; dan
- iv. sistem NERS dijangka berjalan secara berperingkat bermula pertengahan Mac 2011.

**RM 912 juta**

#### Pembangunan Sistem NERS

- 9. Buat masa ini, integrasi sistem Kawalan di bawah myIMMs (bagi semakan senarai syak) dengan sistem NERS sedang dilaksanakan di Terminal Tambang Murah (LCCT) dan akan diikuti di pintu-pintu masuk negara yang lain berjumlah 96 lokasi sehingga siap sepenuhnya untuk digunakan di kebanyakan pintu-pintu masuk negara pada 15 Mei 2011.
- 10. Manakala pengintegrasian sistem NERS dengan sistem visa pas di bawah myIMMs di pejabat dan cawangan-cawangan JIM sebanyak 68 lokasi akan siap pada 30 September 2011. Ini bagi membolehkan sistem NERS bagi pemantauan dan penguatkuasaan warga asing dalam negara berada di tahap yang optimum.

## Program 6P

11. Program Penyelesaian Menyeluruh Terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) kali ke-3 Bil. 2/2010 pada 20 Mei 2010 untuk dilaksanakan melalui pewujudan sistem pendaftaran warga asing yang merangkumi pengambilan biometrik semua warga asing selanjutnya melaksanakan pemantauan serta tindakan-tindakan lanjut yang berkaitan di dalam negara. Program yang merangkumi 6 tindakan berkaitan PATI iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran telah dipersetujui untuk dilaksanakan.
12. Inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing termasuk kategori berkaitan PATI turut dibentangkan kepada Y. Bhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha yang merangkumi konsep dan kaedah pelaksanaan Program 6P. Cadangan tersebut adalah agar Kerajaan mengadakan Program Pendaftaran bagi mengambil data PATI, membenarkan mereka bekerja di dalam sektor tertentu melalui Program Pemutihan (bergantung kepada polisi semasa) dan membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal mereka tanpa dikenakan kompaun melalui Program Pengampunan. Manakala golongan PATI yang didapati melanggar undang-undang akan diambil tindakan melalui Program Penguatkuasaan dan Program Pengusiran.
13. Tarikh pelaksanaan 6P tersebut adalah bergantung kepada kesediaan sistem biometrik di pintu-pintu masuk negara termasuk sistem pendaftaran warga asing.

## **SYOR**

14. JKK PA-PATI adalah dipohon supaya mengambil maklum ke atas laporan status pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional NexCode (*NexCode Enforcement and Registration (Biometrics) System (NERS)*).

## **PENUTUP**

15. JKK PA-PATI adalah dimohon untuk mengambil maklum laporan ini.

**Putrajaya**

**Mac 2011**